

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN VI - NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN

Seksyen 66. Hak terhadap nafkah atau pemberian selepas perceraian.

(1) Hak bagi seseorang isteri yang telah diceraikan untuk menerima nafkah daripada bekas suaminya di bawah mana-mana perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh 'iddah atau apabila isteri menjadi *nusyuz*.

(2) Hak isteri yang telah diceraikan untuk menerima pemberian daripada bekas suaminya di bawah sesuatu perjanjian hendaklah terhenti atas perkahwinan semula isteri itu.
